

Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Stres di Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Malaysia

Prof. Madya Dr Azizi bin Hj Yahaya
Mazeni Binti Ismail
Email: maz_38397@yahoo.com
UTM Skudai

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti tahap dan faktor-faktor yang menyebabkan stres di kalangan guru sekolah-sekolah menengah. Seramai 400 orang guru dari 16 buah sekolah menengah di empat buah negeri yang dipilih secara kelompok atas kelompok yang terdiri daripada soal selidik lebihan kerja, hubungan interpersonal dan persekitaran kerja (Administrative Stress Indeks -ASI) dan soal selidik ketandusan emosi, depersonalisasi dan kejayaan diri (General Health Questionnaire -GHQ). Darjah kebolehppercayaan (alfa cronbach) bagi kedua-dua instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah 0.7514 dan 0.8827. Hasil daripada kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara faktor-faktor stres di kalangan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Para guru menyatakan bahawa tahap stres guru secara keseluruhannya berada pada tahap yang sederhana. Faktor kejayaan diri merupakan faktor yang paling mempengaruhi stres guru. Dapatan kajian juga menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor stres dengan umur, bilangan anak dan pengalaman seseorang guru, tetapi didapati faktor kejayaan diri terdapat hubungan dengan pengalaman.

Kata kunci: stres, dimensi stres, tahap stres, stres guru.

Abstract

The aim of this study is to determine the levels and factor that contributed to stress among secondary school teachers. Approximately 400 teachers from 16 school from Johor, Melaka, Negeri Sembilan and Selangor were selected by using cluster of cluster in this study. The data were collected through questionnaire, which consists of work overload, interpersonal relationship and environment workplace (Administrative Self Indeks-ASI) and Emotional exhaustion, depersonalization and personal achievement (General Health Questionnaire -GHQ). The alpha cronbach for this two instrument were 0.7514 and 0.8827. As a whole the result of the study, shows that there not differences between these factors if tested on teachers gender. Teachers reported that their stress level were only in moderate level. Personal achievement factor was the most influential in contributing to the self stress. Study results also shows that there were no significant relationship between stress factors and age, number of children and teachers experience, however personal achievement factor still have something to do with experience.

Key words: stress, dimension of stress, level of stress, teacher stress.

1.0 Pengenalan

Guru-guru adalah domain utama yang diamanahkan dalam proses penerapan dan penyampai ilmu kepada anak watan, sama ada rela atau tidak mereka dituntut untuk

membangunkan diri dengan sebarang bentuk perubahan serta pembaharuan yang berlaku dari masa ke semasa. Situasi tersebut secara umumnya mengakibatkan guru-guru terpaksa berhadapan dengan pelbagai tanggungjawab yang lebih mencabar, lebih berat dan semakin kompleks.

Stres merupakan satu penyakit yang sering dikaitkan dengan kesihatan mental dan kerap menyerang masyarakat pada hari ini. Kesihatan mental seperti yang didefinisikan oleh Pertubuhan Kesihatan sedunia (WHO) adalah kebolehan mengekalkan hubungan yang harmoni dengan orang lain, 'kebolehan dalam mengambil bahagian di dalam aktiviti kemasyarakatan dan kebolehan untuk menyumbang khidmat kepada masyarakat' (Kempen Cara Hidup Sihat, Kementerian Malaysia, 2000). Apabila seseorang itu berhadapan dengan stres, sudah tentu ia akan gagal untuk berfungsi dengan baik di dalam masyarakat. Menurut kajian yang dilakukan oleh Institute of Stress di New York, Amerika terdapat 90 peratus daripada lelaki dewasa mengalami stres yang kuat sekurang-kurangnya dua kali seminggu, manakala 25 peratus lagi mengalami stres setiap hari.

2.0 Pernyataan Masalah

Gold dan Roth (1993) menyatakan bahawa salah satu punca stres bagi guru adalah perubahan (Zakiah Binti Arshad, 2003). Sebagai pengurus pembelajaran, guru perlu merancang pengetahuan, kemahiran dan nilai yang hendak diajar setiap hari Esah Sulaiman (2003). Antara faktor-faktor yang menyebabkan stres guru ialah depersonalisasi, kejayaan diri, ketandusan emosi, lebihan kerja, hubungan interpersonal dan persekitaran kerja. Depersonalisasi ini adalah merujuk kepada keadaan emosi seseorang guru seperti cara melayan pelajar dan macam mana seseorang guru itu mengatasi masalah pelajarannya. Kejayaan diri merujuk kepada cara seseorang guru untuk mencapai kejayaan untuk melihat pelajarannya mencapai keputusan yang baik dalam pelajaran. Ketandusan emosi pula merujuk kepada perasaan guru yang kuat dalam menjalankan tugas tanpa merasa marah, sedih dan bersifat sentimental. Persekitaran kerja juga mempengaruhi guru dalam menjalankan tugas harian mereka antaranya keadaan persekitaran kelas, kemudahan alat bantu mengajar dan alat kelengkapan yang lain untuk memudahkan perhubungan guru dan pelajar.

Selain itu hubungan interpersonal yang baik juga perlu bagi guru antaranya berkongsi masalah dengan rakan sekerja, rakan sekerja sentiasa memberi kerjasama dan sentiasa mendapat galakan daripada pentadbir atau pengetua. Guru juga telah dibebankan dengan pelbagai tugas pentadbiran yang telah menjadi rutin pekerjaan mereka, umpamanya mengisi borang, mengutip yuran, mengemas kini kedatangan pelajar, menyediakan laporan prestasi, menyediakan soalan ujian dan peperiksaan, memberi bimbingan dan pelbagai lagi bagi memajukan pelajarannya. Kyriacou (1987) juga menekankan bahawa stres yang berpanjangan boleh melemahkan mental dan fizikal serta berupaya melemahkan secara signifikan kerjaya guru dan prestasi pelajarannya kerana stres menjejaskan kualiti pengajaran dan komitmen para guru. Kajian ini dapat membantu untuk memberikan maklumat tentang tahap stres yang di alami oleh guru-guru di empat negeri ini iaitu Johor, Selangor, Negeri Sembilan dan Melaka. Keberkesanan sesuatu pendidikan adalah bergantung kepada penergerak utama sistem ini iaitu guru-guru. Prestasi

guru dan komitmen adalah penting bagi seseorang guru untuk membantu anak bangsa dalam memperolehi kejayaan.

3.0 Objektif Kajian

Objektif kajian ini ialah :

- 1.2.1 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek ketandusan emosi
- 1.2.2 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek depersonalisasi
- 1.2.3 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek kejayaan diri
- 1.2.4 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek hubungan interpersonal
- 1.2.5 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek persekitaran kerja
- 1.2.6 Untuk mengenal pasti tahap stres guru-guru berdasarkan aspek lebihan kerja
- 1.2.7 Untuk mengenal pasti perbezaan stres di kalangan guru lelaki dan perempuan dari aspek ketandusan emosi, depersonalisasi, kejayaan diri, persekitaran kerja, hubungan interpersonal dan lebihan kerja
- 1.2.8 Untuk mengenal pasti sama ada terdapat hubungan stres di kalangan guru dari aspek ketandusan emosi, depersonalisasi, kejayaan diri, persekitaran kerja, hubungan interpersonal dan lebihan kerja dengan umur, bilangan anak dan pengalaman mengajar

4.0 Kepentingan Kajian

Kajian ini adalah penting kepada guru-guru dan semua pentadbir pihak sekolah daerah, zon mahupun diperingkat Jabatan Pelajaran. Ia amatlah penting kepada :

a) Guru-guru

Memberi panduan dan maklumat kepada guru-guru tentang cara menangani stres yang menjadi amalan dan berkesan mengikut keadaan persekitaran yang dihadapi. Dapatan kajian ini juga dapat dijadikan panduan guru-guru yang mengalami stres berdasarkan aspek ketandusan emosi, depersonalisasi, lebihan kerja, hubungan interpersonal, persekitaran kerja dan kejayaan diri dalam tugas harian mereka di sekolah.

b) Pentadbir di peringkat sekolah, daerah dan zon

Dapatan ini dapat digunakan oleh pihak pentadbir, daerah dan zon sebagai satu aspek yang perlu pertimbangan dalam merancang aktiviti-aktiviti di sekolah. Ia juga dapat dijadikan panduan khususnya dalam perancangan aktiviti-aktiviti staf di sekolah.

c) Pihak Jabatan Pelajaran

Pihak Jabatan Pembangunan Sumber ini boleh menggunakan maklumat daripada kajian ini untuk mengambil langkah-langkah tertentu untuk membantu guru-guru menangani persoalan stres yang mereka hadapi. Maklumat daripada kajian ini juga dapat digunakan oleh pihak Jabatan Pelajaran dalam merangka program yang lebih besar dan meluas kepada guru-guru dalam menangani stres supaya terus dapat dijadikan perangsang dan membawa kesan positif kepada profesion perguruan.

5.0 Batasan Kajian

Kajian ini dilaksanakan di beberapa buah sekolah menengah di negeri Johor, Selangor, Melaka dan negeri sembilan. Responden yang terpilih adalah seramai 400 orang guru sama ada kategori siswazah atau bukan siswazah. Tumpuan kajian adalah melihat tahap stres yang dialami oleh guru-guru tersebut di dalam urusan seharian dan melihat adakah terdapat perbezaan tahap stres berdasarkan jantina serta faktor utama yang menyebabkan stres di kalangan guru.

6.0 Sorotan Penulisan

Kajian yang dilakukan oleh Borget, et al. (1991) ke atas 1074 guru sekolah rendah di Malta, mendapati 32.6 peratus atau 710 responden mengakui pekerjaan mereka mendatangkan stres yang tinggi kepada diri mereka. Dodge, D. dan Martin, W. (1993) juga telah menjalankan kajian yang sama ke atas guru-guru sekolah menengah di Malta. Beliau mendapati hampir 50 peratus guru tersebut mengalami kadar stres yang sederhana manakala 30.7 peratus lagi mengalami kadar stres yang rendah, dan selebihnya sebanyak 15 peratus responden mempersepsikan bahawa tugas mereka mendatangkan tahap stres yang tinggi kepada mereka.

Manakala menurut Cousin (2000), dalam kajiannya ke atas 250 orang guru baru dan 166 guru secara sukarela di sekolah berlainan di Selatan Mississippi mendapati bahawa pengalaman kerja mempunyai hubungan dengan faktor-faktor stres. Antaranya tempoh bekerja di sekolah menyebabkan seseorang guru itu mencapai stres yang tinggi. Ini kerana guru itu perlu menyesuaikan diri dengan persekitaran sekolah, penyesuaian diri dengan rakan sekerja dan pelbagai tingkah laku pelajar.

Menurut Dunn (2000), kajian ke atas 258 pelbagai guru di Pennsylvania yang melihat perhubungan di antara tahap stres dan faktor demografi mendapati bahawa pengalaman guru berada pada tahap yang sederhana dan ketandusan emosi juga berada pada tahap sederhana. Dapatan kajian ini mendapati guru stres adalah disebabkan lebihan kerja yang dibawa ke rumah dan bekerja di hari minggu. Amat penting kesedaran guru-guru terhadap stres ini kerana ia memberi kesan ke atas kualiti pendidikan.

Menurut Akhito Shimazu et. al (2003) yang mengkaji kesan pengurusan stres, sokongan sosial dan cara mengatasi stres ke atas 24 orang guru di Hiroshima mendapati bahawa sokongan sosial adalah penting bagi membantu guru-guru mengatasi masalah stres. Jepun pada tahun 2000, 0.24 peratus guru terpaksa menanggung kerja sebagai guru kerana menghadapi masalah kecelaruan mental. Antara masalah yang dihadapi oleh guru ini ialah persekitaran sekolah, kepelbagaian tingkah laku pelajar, hubungan interpersonal, tekanan masa, perhubungan dengan ibu bapa pelajar dan lebihan kerja.

7.0 Metodologi Kajian

7.1 Rekabentuk Kajian

Tinjauan sampel dilakukan untuk mengumpulkan maklumat-maklumat berkenaan perlakuan buli di sekolah menengah. Maklumat-maklumat juga diperolehi berdasarkan kepada jawapan soal selidik yang dijalankan dengan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang telah ditentukan, rujukan dokumen, aktikel-artikel, jurnal dan projek disertasi terdahulu.

7.2 Populasi dan Sampel Kajian

Populasi kajian adalah di kalangan guru-guru yang dipilih daripada beberapa buah sekolah menengah di negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Selangor. Sampel kajian terdiri daripada 400 orang guru yang dipilih dari beberapa buah sekolah menengah di setiap empat buah negeri. Kajian ini menggunakan kaedah persampelan kelompok atas kelompok. Beberapa buah sekolah menengah di setiap negeri dipilih oleh penyelidik untuk dijadikan sampel kajian. Seramai 76 orang guru di Melaka, 114 orang guru di Johor, 93 orang guru di Negeri Sembilan dan 117 orang guru di Selangor telah dipilih secara rawak untuk menjadi responden kajian.

7.3 Instrumentasi

Instrumen tersebut terdiri daripada tiga bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B dan C. Bahagian B mengandungi 28 item soalan yang mengukur tahap stres, instrumen dari subskala tekanan oleh Gmelch (1982), item-item ini telah diadaptasi daripada instrumen *Administrative Stress Indeks* (ASI) bahagian C. Soalan bahagian A berbentuk maklumat peribadi dan ciri-ciri demografi responden iaitu jantina, umur, pengalaman mengajar, taraf perkahwinan dan taraf pendidikan. Sementara. Bahagian C pula mengandungi 22 item soalan yang mengukur tahap stres dari Goldberg (1972), *General Health Questionnaire* (GHQ).

8.0 Kajian Rintis

Satu ujian awal telah dilakukan ke atas 20 orang guru di sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara Rini, Skudai Johor. Responden yang terlibat dalam kajian rintis ini mempunyai ciri-ciri yang hampir sama dengan responden kajian sebenar dan mereka tidak akan dipilih lagi untuk menjadi sampel kajian sebenar. Borang soal selidik yang telah dijawab oleh mereka telah dianalisis untuk menentukan kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik tersebut. Nilai Alfa Cronbach yang diperolehi bagi kesemua item soal selidik tersebut ialah 0.8326

9.0 Analisis Data

Data-data yang diperolehi dianalisis berdasarkan tujuan dan hipotesis kajian. Analisis kekerapan dan peratus digunakan untuk melihat taburan latar belakang responden seperti jantina, umur, keturunan, taraf perkahwinan, tahap pendidikan guru, pengalaman mengajar di sekolah menengah berkenaan. Min skor digunakan bagi menentukan tahap stres guru di sekolah menengah.

10.0 Dapatan Kajian dan Perbincangan

(i) Maklumat diri responden

Hasil daripada kajian didapati bahawa bilangan responden lelaki seramai 124 orang (31 peratus) dan perempuan seramai 276 (69 peratus) orang. Responden perempuan merupakan golongan majoriti dalam kajian ini.

Jadual 1 : Taburan Responden Mengikut Jantina

Jantina	Bilangan	Peratusan
Lelaki	124	69
Perempuan	276	31
Jumlah	400	100

a) Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Hasil kajian mendapati bahawa responden daripada negeri Selangor seramai 117 orang (29.2 peratus), negeri Johor seramai 114 orang (28.5 peratus), Negeri Sembilan seramai 93 orang (23.3 peratus) dan negeri Melaka seramai 76 orang (19.0 peratus). Responden negeri Selangor dan Johor adalah sama ramai.

Jadual 2 : Taburan Responden Mengikut Lokasi Sekolah

Lokasi Sekolah	Kekerapan	Peratusan
Melaka	76	19.0
Negeri Sembilan	93	23.3
Johor	114	28.5
Selangor	117	29.2
Jumlah	400	100

b) Tahap Pendidikan

Tahap pendidikan Ijazah Sarjana Muda adalah kumpulan yang paling ramai, iaitu seramai 233 orang (58.25 peratus), diikuti oleh pendidikan Diploma seramai 133 orang (33.25 peratus), pendidikan Sarjana seramai 27 orang 6.75 peratus, dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) seramai 7 orang (1.75 peratus).

Jadual 3 : Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan

Tahap Pendidikan	Bilangan	Peratusan
STPM	7	1.75
Sarjana	27	6.75
Diploma	133	33.25
Ijazah Sarjana Muda	233	58.25
Jumlah	400	100

c) Pengalaman Mengajar

Analisis data menunjukkan responden yang dikaji mempunyai pengalaman mengajar antara 1 tahun hingga 30 tahun. Bilangan responden yang paling ramai adalah guru yang mempunyai pengalaman 1 hingga 5 tahun iaitu seramai 138 orang (34.4 peratus), diikuti dengan responden yang mempunyai pengalaman mengajar 6 hingga 10 tahun seramai 111 orang (27.3 peratus), pengalaman mengajar 11 hingga 15 tahun seramai 79 orang (19.2 peratus), pengalaman mengajar 16 hingga 20 tahun seramai 44 orang (11.0 peratus) dan pengalaman mengajar 26 hingga 30 tahun seramai 6 orang (1.5 peratus). Berdasarkan analisis data, pengalaman mengajar responden yang paling minimum adalah setahun manakala yang paling maksimum adalah 30 tahun. Purata pengalaman mengajar responden pula adalah 10 tahun.

Jadual 4 : Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar

Pengalaman Mengajar	Bilangan	Peratusan
26-30 tahun	6	1.5
21-25 tahun	22	5.5
16-20 tahun	44	11.0
11-15 tahun	79	19.2
6-10 tahun	111	27.3
1-5 tahun	138	34.5
Jumlah	400	100

Minimum = 1 tahun Maksimum = 30 tahun Min = 10 Julat = 29

Taburan Tahap Stres Responden Dari Aspek Lebihan Kerja

Jadual 5 menunjukkan tahap stres yang diperolehi oleh setiap responden dari aspek lebihan kerja. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap stres yang sederhana dari segi lebihan kerja iaitu seramai 192 orang (48 peratus). Manakala 173 orang (43.3 peratus) guru menghadapi tahap stres yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap lebihan kerja yang rendah iaitu seramai 35 orang (8.7 peratus).

Jadual 5: Tahap Stres Responden Dari Aspek Lebihan Kerja

Tahap	Bilangan	Peratus
Rendah	35	8.7
Sederhana	192	48.0
Tinggi	173	43.3
Jumlah	400	100

Taburan Tahap Stres Responden Dari Aspek Hubungan Interpersonal

Jadual 6 menunjukkan tahap stres responden dari aspek hubungan interpersonal. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap stres yang sederhana dari segi hubungan interpersonal iaitu seramai 247 orang (61.75 peratus). Manakala 152 orang (38.0 peratus) guru menghadapi tahap stres yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap hubungan interpersonal yang rendah iaitu seramai seorang (0.25 peratus).

Jadual 6: Tahap Stres Responden Dari Aspek Hubungan Interpersonal

Tahap	Bilangan	Peratus
Tinggi	152	38.0
Sederhana	247	61.75
Rendah	1	0.25
Jumlah	400	100

Taburan Tahap Stres Responden Dari Aspek Persekitaran Kerja

Jadual 7 menunjukkan taburan tahap stres responden dari aspek persekitaran kerja. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap stres yang sederhana dari segi persekitaran kerja iaitu seramai 292 orang (73.0 peratus). Manakala 17 orang (4.2 peratus) guru menghadapi tahap stres yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap persekitaran kerja yang rendah iaitu seramai 91 orang (22.8 peratus).

Jadual 7: Tahap Stres Responden Dari Aspek Persekitaran Kerja

Tahap	Bilangan	Peratus
Tinggi	17	4.2
Sederhana	292	73.0
Rendah	91	22.8
Jumlah	400	100

Taburan Tahap Stres Responden Dari Aspek Ketandusan Emosi

Jadual 8 menunjukkan tahap stres responden dari aspek ketandusan emosi. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap stres yang sederhana dari segi ketandusan emosi iaitu seramai 259 orang (64.8 peratus). Manakala 89 orang (22.2 peratus) guru menghadapi tahap stres yang tinggi. Selebihnya responden mempunyai tahap ketandusan emosi yang rendah iaitu seramai 52 (13.0 peratus).

Jadual 8: Tahap Stres Responden Dari Aspek Ketandusan Emosi

Tahap	Bilangan	Peratus
Tinggi	89	22.2
Sederhana	259	64.8
Rendah	52	13.0
Jumlah	400	100

Taburan Tahap Stres Responden Dari Aspek Depersonalisasi

Jadual 9 menunjukkan taburan tahap stres responden dari aspek depersonalisasi. Hasil daripada kajian didapati majoriti responden mempunyai tahap stres yang rendah dari segi depersonalisasi iaitu seramai 127 orang (31.8 peratus). Manakala 193 orang (48.2 peratus) guru menghadapi tahap stres yang sederhana. Selebihnya responden mempunyai tahap depersonalisasi yang tinggi iaitu seramai 80 orang (20.0 peratus).

Jadual 9 : Tahap Stres Responden Dari Aspek Depersonalisasi

Tahap	Bilangan	Peratus
Tinggi	80	20.0
Sederhana	193	48.2
Rendah	127	31.8
Jumlah	400	100

	variances assumed	.338	.561	-1.712	398	.088	-1.5127	.884	.225	-3.25
	Equal variances not assumed			-1.718	238.843	.087	-1.5127	.881	.222	-3.25

Aras keertiaan $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 12 didapati nilai $p = .561$. Memandangkan nilai $p = .561$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 2 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor depersonalisasi dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Oleh kerana keputusan ujian $-t$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara faktor depersonalisasi dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres di kalangan guru lelaki dan perempuan dari aspek kejayaan diri

Jadual 13 : Analisis Perbezaan Aspek Kejayaan Diri Antara Guru Lelaki dan Perempuan

		F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	Bawah
Kejayaan Diri	Equal variances assumed	2.671	.103	-1.893	398	.059	-1.9161	1.012	.074	-3.905
	Equal variances not assumed			-1.785	207.349	.076	-1.9161	1.073	.199	-4.032

Aras keertiaan $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 13 didapati nilai $p = .103$. Memandangkan nilai $p = .103$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 3 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor kejayaan diri dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Oleh kerana keputusan ujian $-t$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak dapat perbezaan yang signifikan antara faktor kejayaan diri dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres di kalangan guru lelaki dan perempuan dari aspek hubungan interpersonal

Jadual 14: Analisis Perbezaan Aspek Hubungan Interpersonal Antara Guru

Lelaki Dan Perempuan

		F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	Bawah
Hubungan interpersonal	Equal variances assumed	1.449	.229	.846	398	.398	.5234	.619	1.739	-.693
	Equal variances not assumed			.827	224.869	.409	.5234	.633	1.724	-.723

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 14 didapati nilai $p = .229$. Memandangkan nilai $p = .229$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 4 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor hubungan interpersonal dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Oleh kerana keputusan ujian $-t$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor hubungan interpersonal dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres di kalangan guru lelaki dan perempuan dari aspek persekitaran kerja

Jadual 15 : Analisis Perbezaan Aspek Persekitaran Kerja Antara Guru Lelaki dan Perempuan

		F	Sig.	T	Df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	bawah
Persekitaran Kerja	Equal variances assumed	1.584	.209	-1.755	398	.080	-.676	.385	.081	-1.433
	Equal variances not assumed			-1.819	258.468	.070	-.676	.312	.056	-1.407

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 15 didapati nilai $p = .209$. Memandangkan nilai $p = .209$ ini lebih besar daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 5 ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor persekitaran kerja dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah. Oleh kerana keputusan ujian $-t$ menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor persekitaran kerja dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah.

Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap stres di kalangan guru lelaki dan perempuan dari aspek beban kerja

Jadual 16 : Analisis Perbezaan Aspek Lebih Kerja Antara Guru Lelaki dan Perempuan

		F	Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)	Beza Min	Beza Ralat Piawai	Atas	bawah
Lebih Kerja	Equal variances assumed	4.096	.044	.459	398	.646	.2904	.632	1.533	-.952
	Equal variances not assumed			.428	202.112	.669	.2904	.678	1.628	-1.04

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 16 didapati nilai $p = .044$. Memandangkan nilai $p = .044$ ini lebih kecil daripada nilai $\alpha = 0.05$ maka hipotesis 6 ini ditolak. Ini bermakna terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dapatlah dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor lebih kerja dengan guru lelaki dan perempuan di empat buah sekolah. Oleh kerana keputusan ujian $-t$ menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan antara faktor lebih kerja dengan guru lelaki dan perempuan di sekolah menengah.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Stres Dari Aspek Lebih Kerja Dengan Umur Di kalangan Guru Sekolah Menengah

Jadual 17 : Korelasi Faktor Stres Dari Aspek Lebih Kerja Dengan Umur

Korelasi			
		Umur	Lebih
Umur	Korelasi Pearson	1	0.097
	Sig. (2-tailed)	-	0.053
	N	400	400

Aras keertian $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 17, didapati nilai pekali korelasi, r bagi faktor stres dari aspek lebih kerja dengan umur adalah bersamaan dengan 0.097. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p = 0.053$ adalah lebih kecil dari 0.05 maka hipotesis ini ditolak. Ini bermakna terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek lebih kerja dengan umur. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dirumuskan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek lebih kerja dengan umur di kalangan guru-guru di sekolah menengah pada tahap yang sangat lemah.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Stres Dari Aspek Hubungan Interpersonal Dengan Umur Di kalangan Guru Sekolah Menengah

Jadual 18 : Korelasi Faktor Stres Dari Aspek Hubungan Interpersonal Dengan Umur

Korelasi			
		Umur	Hubungan Interpersonal
Umur	Korelasi Pearson	1	0.045
	Sig. (2-tailed)	-	0.369
	N	400	400

Aras keertiaan $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 18, didapati nilai pekali korelasi, r bagi faktor stres dari aspek hubungan interpersonal dengan umur adalah bersamaan dengan 0.045. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p = 0.369$ adalah lebih besar dari 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek hubungan interpersonal dengan umur. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek hubungan interpersonal dengan umur di kalangan guru-guru di sekolah menengah pada tahap yang sangat lemah.

Tidak Terdapat Hubungan Yang Signifikan Antara Faktor Stres Dari Aspek Persekitaran Kerja Dengan Umur Di kalangan Guru Sekolah Menengah

Jadual 19 : Korelasi Faktor Stres Dari Aspek Persekitaran Kerja Dengan Umur

Korelasi			
		Umur	Persekitaran Kerja
Umur	Korelasi Pearson	1	0.043
	Sig. (2-tailed)	-	0.396
	N	400	400

Aras keertiaan $\alpha = 0.05$

Berdasarkan jadual 19, didapati nilai pekali korelasi r bagi faktor stres dari aspek persekitaran kerja dengan umur adalah bersamaan dengan 0.043. Ini menunjukkan korelasi yang sangat lemah. Memandangkan nilai $p = 0.396$ adalah lebih besar dari 0.05 maka hipotesis ini diterima. Ini bermakna tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek persekitaran kerja dengan umur. Oleh kerana keputusan ujian korelasi menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan, maka dengan ini dapat dirumuskan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor stres dari aspek persekitaran kerja dengan umur di kalangan guru-guru di sekolah menengah pada tahap yang sangat lemah.

